KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	25/11/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	PERHILITAN			

Dua babi hutan 'berbelanja'

Seremban: Pengunjung sebuah pasar raya di sini terkejut susulan kemunculan dua babi hutan berkeliaran di kawasan parkir premis di Seremban Jaya di sini.

Kemunculan haiwan liar itu sempat dirakam sebelum video berdurasi 26 saat itu dimuat naik jam 12 tengah hari semalam selain tular di aplikasi TikTok.

Berdasarkan rakaman berkenaan, haiwan liar itu dipercayai tersesat dan masuk ke kawasan parkir, namun dipercayai tidak menemui jalan keluar.

Sementara itu Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan, Nurul Ermi Ramli berkata, pihak pengurusan pasar raya itu membuat laporan berhubung kejadian itu kepada Perhilitan.

"Kami tidak pasti sama ada video ditularkan itu rakaman baharu atau lama namun Perhilitan melakukan siasatan dan mengambil tindakan.

"Ini bukan kali pertama Perhilitan menerima aduan berkenaan babi hutan berkeliaran di luar pasar raya itu," katanya.



DUA babi hutan dirakam berkeliaran di kawasan parkir pasar raya di Seremban Jaya.

HM 25.11.2021_7